



TEKS PERASMIAN
YANG BERHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
TIMBALAN MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ‘POCKET TALK: MALAYSIA
BIODIVERSITY’ DAN PELANCARAN BUKU ‘ROYAL BELUM-
TEMENGOR RAINFOREST: THE HIDDEN TREASURES OF PERAK’**

TAMAN EKO-RIMBA KL BUKIT NANAS
11 SEPTEMBER 2019 (RABU)

YANG BERUSAHA DR. MOHD MOKHTAR BIN TAHR

Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli)
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)

YANG BERBAHAGIA DATO’ WAN MAZLAN BIN WAN MAHMOOD

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, KATS

YANG BERBAHAGIA DATO’ MOHD RIDZA BIN AWANG

Pemangku Ketua Pengarah
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)

YBhg. Dato’-Dato’/Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Bagi pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sukacita saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BBP) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kerana menjemput saya untuk memberi ucapan dan merasmikan **Program**

‘Pocket Talk: Malaysia Biodiversity’ dan seterusnya melancarkan buku ‘**Royal Belum-Temengor Rainforest: The Hidden Treasures of Perak**’ pada hari ini.

2. Program ini diatur sempena Pameran ‘Hutan Kita’ yang telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 23 Ogos 2019 di Menara Kuala Lumpur. Pameran ‘Hutan Kita’ akan berlangsung sehingga 22 September 2019 bagi mempamerkan kekayaan khazanah hutan negara serta usaha-usaha yang telah dilaksanakan dalam menjaga dan memulihara hutan negara.

3. Kita sangat bertuah kerana berada di **satu-satunya hutan hujan tropika yang masih kekal di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur** ini. Untuk makluman para hadirin, Taman Eko Rimba Bukit Nanas merupakan **Hutan Simpan Kekal yang tertua di Semenanjung Malaysia yang telah diwartakan sejak tahun 1906**.

4. Kita bersyukur, di tengah-tengah kawasan yang begitu pesat membangun, kawasan ini tetap terpelihara dan masih dikenali dengan kekayaan flora dan faunanya. Oleh sebab itulah, kawasan ini dianggap sebagai ‘**green lung**’ yang memainkan peranan penting kepada **pengeluaran oksigen (oxygen generation) dan penyimpanan karbon (carbon storage)**. Kawasan ini juga popular sebagai destinasi ekopelancongan untuk merehatkan minda dan menyihatkan badan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Program ‘**Pocket Talk: Malaysia Biodiversity**’ merupakan program yang buat julung kalinya diadakan dengan menghimpunkan

tujuh (7) orang pakar dalam bidang biodiversiti termasuk daripada FRIM, universiti awam dan Hospital Raja Permaisuri Bainun Perak. Pakar-Pakar ini akan berkongsi pengalaman bagi meningkatkan lagi kefahaman kita mengenai peranan penting biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem serta mengukuhkan interfasa sains-dasar (science-policy interface).

6. Program pada hari ini juga akan melancarkan buku ‘Royal Belum-Temengor Rainforest: The Hidden Treasure of Perak’ yang memaparkan keindahan dan keunikan hutan hujan Royal Belum-Temengor. Buku ini dilengkapi dengan Kod QR yang dipautkan kepada pangkalan data biodiversiti kebangsaan iaitu Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS). Buku ini diterbitkan dengan kerjasama pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai salah satu usaha untuk mendokumen maklumat mengenai spesies flora dan fauna di hutan hujan Royal Belum-Temengor.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. MyBIS dibangunkan bagi memenuhi salah satu obligasi negara di bawah konvensyen antarabangsa iaitu Konvensyen Kepelbagaian Biodiversiti (Convention on Biological Diversity-CBD). MyBIS memainkan peranan penting sebagai medium perkongsian maklumat dan pengetahuan saintifik serta meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan menjaga dan memulihara biodiversiti kita. Sehingga kini, MyBIS mengandungi lebih daripada 150,000 data yang melibatkan kerjasama perkongsian data dengan pelbagai pihak.

8. Saya sangat berbangga dengan pencapaian MyBIS kerana telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan **dianugerahkan ‘Gold Award**

di ‘Convention on Biological Diversity’ di Mexico pada tahun 2016 dan anugerah ‘Pencapaian Cemerlang’ di Mesir pada tahun 2018.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya berharap program ini dapat memberikan pendedahan dan maklumat yang bermanfaat dalam meningkatkan pemuliharaan biodiversiti negara.

10. Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjaya program ini termasuk Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Hospital Raja Permaisuri Bainun Perak, Malaysian Nature Society (MNS), Management and Ecology of Malaysian Elephants (MEME) dan Ecocentric Transitions. Semoga kerjasama erat ini boleh diperkuuhkan pada masa-masa akan datang.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program ‘Pocket Talk: Malaysia Biodiversity’.

Sekian, terima kasih.

**TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
TIMBALAN MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
11 SEPTEMBER 2019**